



Tarikh: - -

Pengurus

Tuan/Puan,

SURAT INDEMNITI BAGI JAMINAN PERKAPALAN

Kami kemukakan di sini dan memohon tandatangan balas anda bagi Surat Indemniti kami di mana kami bersetuju untuk menanggung rugi Tetuan _____, atas penghantaran kepada kami tanpa mengemukakan Bil Muatan berhubung dengan barangan yang tersebut di bawah ini yang dikonsain kepada kami dan bagi penghantarannya:

Tanda & Nombor	Bungkusan	Huraian/Butiran	Dari	Nama Kapal	Kos Invois atau Nilai Anggaran

Atas persetujuan Alliance Bank Malaysia Berhad untuk menandatangani balas Surat Indemniti ini, kami dengan ini bersetuju:

- 1) bahawa kami pada setiap masa akan menanggung rugi dan melindungi Alliance Bank Malaysia Berhad daripada segala liabiliti berhubung dengannya dan terhadap segala bentuk tindakan, tindakan guaman, prosiding, tuntutan, kos dan perbelanjaan yang mungkin diambil atau dibuat terhadap Alliance Bank Malaysia Berhad atau ditanggung atau perlu dibayar oleh Alliance Bank Malaysia Berhad berhubung dengannya.
- 2) bahawa kami akan sewajarnya bertanggungjawab dan menjelaskan segala draf yang dikemukakan kepada kami berhubung dengan barangan tersebut.
- 3) bahawa sebaik sahaja menerima Bil Muatan bagi barangan tersebut, kami akan menyerahkan Surat Indemniti tersebut kepada Alliance Bank Malaysia Berhad untuk pembatalan.
- 4) bahawa sehingga pembatalan Surat Indemniti tersebut dan sehingga pembayaran yang perlu dibuat bagi kesemua draf yang berkaitan dengan barangan tersebut, sekiranya Bil Muatan dibuat atas nama kami akan disahkan kepada Alliance Bank Malaysia Berhad setelah diterima dan bahawa sekiranya barangan tersebut diterima oleh kami, akan dipegang dan disimpan perolehannya sebagai amanah bagi pihak Alliance Bank Malaysia Berhad.
- 5) bahawa sekiranya Bil Muatan tidak diterima melalui cawangan Alliance Bank Malaysia Berhad, kami akan membayar komisen pada kadar 1% daripada nilai invois barangan tersebut, tertakluk kepada nilai minimum RM100.00.
- 6) bahawa sekiranya Surat Indemniti tersebut tidak dipulangkan kepada Alliance Bank Malaysia Berhad dalam tempoh tiga (3) bulan dari tarikh terbitan, kami akan membayar komisen tambahan pada kadar 0.05% sebulan berdasarkan amaun invois sehingga tarikh pemulangan Surat Indemniti tersebut, tertakluk kepada nilai minimum RM50.00 sebulan.
- 7) untuk menerima sebarang percanggahan dan/atau ketaksekatan pada dokumen pengiriman di bawah Surat Kredit kami dan Alliance Bank Malaysia Berhad dengan ini diberi kebenaran untuk mengetepikan sebarang rizab yang berkaitan dengan percanggahan tersebut.
- 8) bahawa Alliance Bank Malaysia Berhad berhak untuk tidak membuat semakan terhadap dokumen yang berkaitan dengan Surat Indemniti ini.
- 9) kecuali dinyatakan sebaliknya di sini, caj Bank adalah tidak termasuk sebarang cukai semasa dan akan datang yang mungkin dikenakan menurut undang-undang yang berkenaan. Pada tarikh penguatkuasaan pelaksanaan mana-mana cukai tersebut pada masa akan datang dan di mana yang berkenaan, Alliance Bank Malaysia Berhad berhak menuntut cukai tersebut daripada kami.

Yang benar

(Penandatangan yang Dibenarkan & Cap Syarikat)